

23/04/1999

Negara sedia tambah peruntukan pembangunan

NEGARA tidak akan menghadapi masalah untuk membiayai pertambahan peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) sebanyak RM22 bilion menjadi RM89.5 bilion daripada siling peruntukan asal RM67.5 bilion.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata kebanyakan dana tambahan seperti disyorkan dalam Laporan Kajian Separuh Penggal RM-7 itu, akan diperolehi melalui sumber dalam negara dan antarabangsa.

"Kita tidak terfikir ini menjadi masalah sama sekali. Pembiayaan bukan masalah kerana pendapatan juga akan meningkat pada ketika ekonomi pulih. Soal pembiayaan ini akan menimbulkan masalah apabila pendapatan rendah.

"Ekonomi Malaysia dijangka bertambah rancak tahun depan dan sudah pasti ini akan menyediakan sumber yang lebih kepada negara," katanya selepas melancarkan majlis perlelongan harta dana khas di Kuala Lumpur semalam.

Dalam tempoh 1999-2000, menurut laporan itu, sebahagian besar daripada peruntukan yang dikaji semula akan diberikan kepada program ekonomi dan sosial.

Ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia akan mengadakan pameran bergerak di luar negara dalam usahanya untuk mengumpul dana di pasaran antarabangsa, beliau berkata kerajaan belum lagi menetapkan tarikhnya.

Mustapa berkata, kerajaan juga belum menetapkan tarikh untuk mempromosikan bon terbitannya di luar negara. Sebelum ini adalah dilaporkan bahawa kerajaan mahu mengumpul RM8 bilion menerusi terbitan bon.

"Ini bukan satu rahsia, malah sudah disebut dalam laporan kertas putih (mengenai ekonomi) bahawa kita akan berusaha mendapat RM8 bilion menerusi terbitan bon. Cuma kita masih belum menetapkan masanya," katanya.

Mengenai perubahan sentimen firma penyelidikan asing dan agensi penarafan antarabangsa terhadap ekonomi Malaysia, beliau berkata ini jelas menunjukkan langkah diambil negara kini semakin mendapat pengiktirafan.

Katanya, kebanyakan penganalisis termasuk agensi kewangan antarabangsa sudah mengkaji semula unjuran mereka terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

"Unjuran Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) misalnya 0.9 peratus pertumbuhan negara kita bagi tahun ini iaitu tidak jauh daripada unjuran kita sebanyak satu peratus.

"Memang kalau kita baca laporan sejak akhir-akhir ini, kita rasa bangga kerana langkah yang diambil Malaysia mendapat pengiktirafan," katanya.

IMF dan firma penarafan Moody's Investors Service yang sebelum ini memberi pandangan negatif terhadap Malaysia, kini mengubah pendirian mereka berikutan tanda-tanda ekonomi negara semakin pulih.

Menurut laporan Tinjauan Ekonomi Dunianya, IMF kelmarin mengunjurkan ekonomi negara akan mencatat pertumbuhan positif 0.9 peratus tahun ini dan dua peratus tahun depan.

Sebelum ini, IMF dan Bank Dunia adalah satu-satunya badan yang mengunjurkan pertumbuhan negatif ekonomi Malaysia tahun ini di sebalik pelbagai agensi atau bank pelaburan antarabangsa membuat unjuran positif.

(END)